



SIARAN AKHBAR

**ACARA PERASMIAN TELAGA KEKAL AIR BAWAH TANAH KAWASAN
KEMAJUAN PERTANIAN LOT SENGKUANG DAN ACARA MENGATAM PADI
ANJURAN BERSAMA JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DAN
MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM LABI DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN
LOT SENGKUANG, MUKIM LABI, DAERAH BELAIT**

Mukim Labi, Daerah Belait

Hari Sabtu, 29 Safar 1442H bersamaan 17hb. Oktober 2020M

Satu Acara Perasmian Telaga Kekal Air Bawah Tanah di Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang telah diadakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang, Mukim Labi di Daerah Belait. Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Acara perasmian tersebut seterusnya diselajurkan dengan Acara Mengatam Padi Anjuran Bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dan Majlis Perundingan Mukim Labi di kawasan yang sama.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan; pegawai-pegawai kanan dan para pegawai daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labi.



Kedatangan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di tapak penanaman padi Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang, Mukim Labi, Daerah Belait serta rombongan telah dialu-alukan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Pengerusi MPM Labi; Yang Mulia Awang Ramlee bin Haji Jamudin, Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Awang Yong Khian Fook; dan ahli-ahli MPM yang lain.

Sebaik tiba di tapak Telaga Kekal Air Bawah Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah dijemput untuk mendengar talimat ringkas berkenaan penggunaan sumber air daripada Telaga Kekal Air Bawah Tanah khusus bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Saidin bin Namit, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Sejurus selesai sesi taklimat, Majlis Perasmian dimulakan. Bagi memberkati Majlis Perasmian, acara telah didahului dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Haji Md Nazelle bin Noorashid, Pegawai Hal Ehwal Masjid Kg Labi, Daerah Belait. Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya dijemput untuk merasmikan Telaga Kekal Air Bawah Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang.

Telaga Kekal Air Bawah Tanah Kawasan Kemajuan Pertanian Lot Sengkuang adalah merupakan hasil daripada kejayaan Projek Penerokaan Air Bawah Tanah (*Underground Water*) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Preston Geochem (B) Sdn. Bhd. Kerja-kerja penerokaan di tapak ini telah pun bermula pada 2 Jun 2020 yang



lalu dan siap sepenuhnya pada 14 September 2020. Tujuan utama projek tersebut adalah bagi mendapatkan sumber air alternatif di kawasan-kawasan penanaman padi yang belum mempunyai sistem pengairan yang lengkap bagi kegunaan peladang-peladang padi di kawasan tersebut terutama sekali diluar musim utama penanaman padi. Dengan adanya sumber air alternatif ini, diharap akan dapat meningkatkan komitmen peladang untuk mengusahakan sepenuhnya kawasan penanaman padi bagi meningkatkan pengeluaran padi di kawasan tersebut melalui penggunaan varieti padi berhasil tinggi, serta melaksanakan penanaman padi dua kali setahun.

Majlis kemudian diselajurkan dengan Acara Mengatam Padi Anjuran Bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Majlis Perundingan Mukim Labi di ladang padi di kawasan yang sama. Acara ini merupakan kesinambungan kepada penanaman padi yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa mengadakan lawatan kerja pada 02 Julai 2020 yang lalu.

Kawasan Penanaman Padi Lot Sengkuang ini adalah merupakan salah satu kawasan penanaman padi utama negara dengan keluasan kawasan yang telah digazetkan di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sebanyak 45 hektar dan kawasan tambahan sedia ada sebanyak 255 hektar yang menjadikan kawasan penanaman padi seluas 300 hektar. Pada masa ini, kawasan berkenaan masih belum diusahakan sepenuhnya disebabkan oleh ketiadaan sistem pengairan yang lengkap. Di samping itu, kebanyakan peladang-peladang di kawasan berkenaan hanya akan mengusahakan tanaman padi sekali setahun, iaitu dalam Musim Utama sekitar bulan Ogos hingga bulan April. Oleh itu, melalui usaha-usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, aktiviti pertanian khususnya aktiviti penanaman padi di



kawasan berkenaan akan dapat ditingkatkan bagi mendukung Visi dan Misi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan juga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam meningkatkan pengeluaran padi bagi meningkatkan tahap sara diri bekalan beras dalam negara.

/TAMAT

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 29 Safar 1442H bersamaan 17 Oktober 2020.